

Peringatan – tiap-tiap seorang yang mendatangkan pertanyaan hendaklah mendatangkan satu masaalah sahaja supaya memberi peluang kepada orang lain bertanya lagi.



kebanyakan orang-orang kita segan bertanya kepada gurunya tentang masalah-masalah yang seperti ini padahal terkadang-kadang mereka itu jahil atasnya maka inilah kita melayan soal

Muhamad Din Taib, Johol, Negeri Sembilan  
bertanya: Sahkah atau tidak puasa seseorang itu jika bersetubuh dengan isterinya di dalam bulan Ramadhan sebelum terbit fajar tetapi melewati ia mandi sehingga siang hari.

Jawab : Seseorang yang bercampur dengan isterinya pada malam bulan Ramadhan dan ia bangun pagi berhadapan besar itu puasanya tidak batal. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang maksudnya: “dihalalkan bagi kamu bercampur dengan perempuan-perempuan kamu pada malam bulan puasa”

Diriwayatkan lagi Ummu Salamah telah berkata: “ Rasulullah (SAW) pernah bangun pagi dalam keadaan berjanabah dengan sebab jimak, bukan ihtalam (mimpi), tetapi tidak ia berbuka puasa dan ia tidak mengqada puasanya (diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun waktu mandi itu tidak di batas oleh agama, ia boleh mandi pada malam dan boleh juga mandi pada pagi hari sebelum habisnya waktu subuh dan boleh juga habis waktu subuh jika kebetulan ia terjaga sesudah habis waktu subuh itu tetapi menyegerakan mandi itu terlebih afdal.

Jawapan yang di atas ini bolehlah dikaitkan dengan satu pertanyaan lagi iaitu pertanyaan Tuan Mustafa Bin Muhammad, Ngihing, Johor Baharu yang bertanya: Apa hukum seseorang bercampur dengan isterinya berturut-turut dua tiga kali dalam satu malam dengan satu kali mandi. Yang demikian ini boleh mandi mengikut syarat yang tersebut di atas dan tidak ada menjadi suruhan tiap-tiap satu kali percampuran itu mesti mandi.

(Peringatan : sebahagian orang harus mencela kepada kita melayan soal-soal yang semacam ini tetapi oleh memandang bahawa

yang seperti ini dengan tujuan mudah mudahan ada membawa manfaat dan memberi faedah kepada orang-orang yang jahil dalam perkara agama terutamanya dalam perkara-perkara yang sulit-sulit seperti ini)

-----\*-----\*-----

Zainal Abidin Bin Abdul Rahman Idrishah Bukit Candan, Kuala Kangsar dan Kassim Haji Yaakub, Batu Pahat. Kepada kedua-dua soal yang didatangkan oleh kedua-dua Tuan ini, silalah tatap dalam ruangan majalah Qalam bilangan 3.

-----\*-----\*-----

Abu Samah polis khas High Wood Estate, Batu Gajah bertanya: Apakah hendak dibuat oleh seseorang, jika gajinya tak cukup bagi menampung anak isterinya dan meminta berhenti tidak dapat serta meminta gaji pun tidak dapat.

Jawab: Kehidupan tuan hendaklah padakan dengan pendapatan tuan. Tuan dan isteri tuan tentu ada mempunyai ikhtiar yang lain untuk mencukupkan kekurangan tuan dengan syarat hendaklah tuan berusaha mendapatnya dengan berharap pertolongan Allah atasnya. Tiap-tiap kekurangan itu dapat ditutup dengan iktiyar tetapi tidak boleh berputus asa sedang tanggungan tuan kepada isteri tuan itu suatu kewajipan mengajar tuan mempunyai tanggungjawab atas sesuatu. Jika tuan tidak sanggup menanggungjawab maka yang demikian itu tuan tidak akan dapat tanggungjawab atas perkara-perkara yang lebih besar lagi.

-----\*-----\*-----

Najib Mahmud, Dungun, Terengganu bertanya: Apa hukumnya seorang kebanyakan beristeri dengan Tengku atau pun Syarifah.

Jawab : Masaalah ini di sebut ialah masalah kafaah (kufu). Pada mazhab Imam Syafie bahawa ada diletakkan perkahwinan di antara orang kebanyakan dengan orang yang lebih tinggi itu tidak kufu dan seterusnya (lihat masalah

tentang kufu ini di dalam kitab-kitab Fikah pada Mazhab Syafie) tetapi pendapat ini telah dibantah oleh lain-lain pihak dengan hujah bahawa perbuatan yang demikian ini akan membawa perpecahan di antara umat Islam sama sendiri dan merosakkan asas persatuan yang ditaja oleh Rasulullah (SAW) dan oleh agama Islam yang tidak ada kelebihan di antara satu sama lain melainkan atas takwanya.

Selain daripada itu di dalam tawarikh tersebut Saidina Bilal dan Zaid Bin Haritsah yang kedua-duanya bukan keturunan Quraish bahkan hamba yang demikian berkahwin dengan orang Quraish. Yang diharamkan berkahwin yang tersebut di dalam al-Quran surah an-Nisaa' ayat 22 dan 23 yang menyatakan 14 orang yang diharamkan berkahwin sedang di dalamnya tidak termasuk Tengku atau Syarifah atau peringkat yang terbit daripada darah bahkan sesudah ayat itu disambung dengan perkataan: "Yang dihalalkan kepada kamu selain daripada itu." Dengan sebab itu mereka berpendapatan bahawa tidak ada menang yang menegah atau yang menjadi sebab perkahwinan haram atau tidak sah asakan sahaja dengan keredaan – tidak dengan paksa.

Patut kita sebut perbincangan atas perkara ini telah heboh berlaku dan mereka yang mempertahankan titis darahnya segan beralah dan enggan mencari kebenaran bahkan dengan kuat bertegang mempertahankan hujahnya dengan tidak pula memerhati kepada tujuan-tujuan yang lebih besar untuk merapatkan persaudaraan Islam yang dengan kerananya seolah-olah dijadikan agama Islam itu bertinggi berendah.

-----\*-----\*-----

Ahmad Bin Haji Salleh, Sungai Kalung, Kantung Senggarang, Batu Pahat bertanya: Bagaimana jalannya supaya wang yang kita dapati daripada loteri itu supaya menjadi halal.

Jawab: Barang yang haram itu adalah haram semata-mata dan tidak ada dalih yang boleh didapati untuk menghalalkannya dikecualikan atas barang makanan atau perubatan, jika keadaan darurat yang memaksa boleh digunakan itu pun sekadar yang memadai jua. Lebih lanjut kita syorkan tuan menatap

di dalam keluaran ini makalah "Edrus" yang menunjukkan haramnya loteri itu.

-----\*-----\*-----

Abdul Rahman Haji Abdullah, Parit Buntar, Perak bertanya: Adakah harus kaum lelaki bercampur gaul dengan kaum perempuan pada masa belajar dalam sekolah-sekolah agama dan dalam masa mengadakan perkumpulan seperti kongres dan lain-lainnya.

Jawab: Masaalah ini ialah masalah yang patut diterangkan dengan panjang lebar dan oleh kerana Ummu Muhsin penulis ruangan perempuan bagi majalah ini telah mulai menulis tentang itu di dalam ruangnya maka haraplah tatap di sana sebab nampaknya ia akan membahas dengan lanjut dalam perkara ini.

-----\*-----\*-----

Kasim bin Ahmad, Alor Star, Kedah bertanya: Apakah sebabnya apabila seseorang perempuan beranak ada kala anaknya itu mengikut rupa ayahnya dan ada kala mengikut ibunya.

Jawab: Sepanjang diketahui bahawa adalah dikatakan yang demikian itu bergantung kepada kekuatan darah dan ghairah di antara suami isteri. Jika sekiranya kuat ghairah atau darah suami maka yang demikian akan membawa rupa bentuk itu kepada ayahnya. Yang demikian ini ialah tabii yang biasa jua.

-----\*-----\*-----

Abdul Ghani bin Nasib, Batu 18 Pekan, Pahang bertanya: Sahkah nikah atau cerai orang yang sudah lebih umur 40 tahun yang sudah putus haidnya.

Jawab : Sah.

-----\*-----\*-----

Osman Abdul Ghani, Ujung Permatang Kuala Selangor bertanya: Bagaimanakah hukumnya anak yang didapati dengan tidak secara halal yakni yang didapati dengan zina.

Jawabnya: Anak itu ialah anak zina iaitu yang didapati atau yang lahir disebabkan oleh perhubungan zina di antara ibu dan bapanya maka tertanggunglah atas ibu dan bapanya itu akan dosa perbuatan zinanya itu dan tanggungan kehinaan

yang harus yang boleh jadi tertimpa ke atas anak yang malang itu,

-----\*-----\*-----

Ismail bin Haji Daud, Rodi Road, Pattani

bertanya: Apabila ertinya ke bawah duli dan ke bawah kaus dan apa asalnya maka terbit perkataan Nik, Wan dan Encik itu ?

Jawabnya: Ke bawah duli itu ertinya ke bawah tapak kaki dan ke bawah kaus itu ertinya ke bawah tempat tidur iaitu perkataan-perkataan yang merendahkan diri, adapun perkataan-perkataan Nik, Wan, dan Encik itu adalah asal terbitnya daripada maksudnya membezakan-bezakan taraf darjat satu keluarga misalnya dia itu keluarga Nik, dia keluarga Wan dan keluarga Encik dan sebagainya.

-----\*-----\*-----

Ismail bin Abdullah, Kota Bharu, Kelantan, berkata:

Bolehkah dijadikan ke atas orang yang berzina dengan keterangan gambar-gambar sahaja dengan tidak ada empat saksi yang adil.

Jawabnya – Mengikut hukumnya mestilah ada empat orang saksi yang adil maka barulah sah dikatakan si anu itu telah berzina, perkara gambar ini mendatang kemudian. Gambar-gambar fotograf itu pun, setengah-setengahnya boleh mengelirukan, sebab boleh di buat-buat atau diadakan-adakan. Misalnya sekarang diambil gambar si Melur dan di cari gambar yang lain yang seakan-akan sama besarnya dengan si Melur yang keadaanya berbogel atau atau atau maka dipotong gambar si Melur itu baik-baik tentang lehernya dan dipotong juga gambar yang lain itu tentang lehernya kemudian dicantumkan gambar kepala si Melur itu kepada gambar badan yang lain itu dan dibuatkan baluk maka tampaklah rupa gambar itu – kepada orang yang tidak tajam pandangannya – serupa sahaja dengan gambar si Melur, keadaannya berbogel atau atau atau.

Itulah sebabnya yang boleh dijadikan saksi ialah negatif (Negative) gambar yang pada filem yang belum disalinkan kepada kertas itu.

-----\*-----\*-----

Shahdan Ishak, Parit Sulong, Batu Pahat, bertanya:

Apa dia agama dan apa dia agama pada sisi Allah ?

Jawab: Agama – yang dikatakan agama itu ringkasan ialah peraturan-peraturan dan undang-undang hidup yang jika diturut maka akan sejahtera dan selamatlah hidup kita di dunia dan di akhirat kelak.

Adapun agama pada sisi Allah Subhanahu wa Taala ialah Islam seperti firman “*Inna ad-Din ‘inda Allah al-Islam.*”  
Ertinya: Hanyasanya agama pada sisi Allah itu ialah Islam.

-----\*-----\*-----

Muhammad Abdul Aziz Bin Haji Jaafar penuntut Madrasah al-Attas al-Arabiah Johor Baharu berkata:

Muhammad minta sampaikan salamnya kepada Osman melaluinya apabila disampaikan Umar salamnya Muhamad tadi kepada Osman maka jawab Osman “Walaikumusalam” bagaimana betulkah jawapan itu.

Jawab : Osman dikehendakki menjawab dengan menyebut salam yang menyampaikan salam itu lebih dahulu kemudian baharulah menyebut salam yang berkirim salam itu.. Caranya ialah “walaika waalaihissalam” atau “walaikum waalaihissalam”

-----\*-----\*-----

Muhamad Tamyiz Hassan, Fire Brigade Pudu, Kuala Lumpur hairan melihatkan alim ulama di sini apabila pergi sembahyang Jumaat atau raya meleret-leret jubah dan tegang serbannya tetapi alim ulama di Indonesia pakaian biasa sahaja, setengah-tengahnya ada pula yang pakai neck tie.

Jadi katanya: Adakah lebih pahala sembahyang pakai jubah dan serban tegang itu.

Agama tidak mengajar kita membuat atau menyuruh kita memakai fesyen itu atau fesyen ini. Pakaian itu ialah untuk menutup aurat dan bersih. Jadi tidaklah bererti bahawa sembahyang dengan berjubah atau berserban tegang itu melebihi pahala. Yang masuk ke dalam kiraan ialah khusyuk dan tawaduk seseorang itu mengadap Tuhannya.

-----\*-----\*-----